

UTHM orak langkah proaktif

Beri penerangan isu penularan fahaman Wahhabiah, Syiah

PARIT RAJA – Lebih 300 peserta terdiri daripada Imam Masjid/Surau dan Guru Takmir Masjid serta pegawai dan kakitangan Universiti menghadiri Majlis Taklimat dan Penjelasan Resolusi Multaqa Darul Ta'zim yang diadakan, semalam.

Majlis berkenaan adalah lanjutan daripada resolusi pembentangan yang telah dibuat pada Multaqa Ulama Darul Ta'zim sempena hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, pada 8 Disember 2010, lalu.

Pusat Islam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Batu Pahat mengorak langkah proaktif sebagai agensi kerajaan dari daerah ini yang julkung kalinya memberi penerangan berkaitan resolusi berkenaan.

Majlis ini menyaksikan peserta didedahkan dengan penjelasan berhubung kedudukan

aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah bermazhabkan Mazhab Syafie se pertimana yang difatwakan Majlis Fatwa Negeri Johor.

Penolong Pengarah Pusat Al-Quran dan Ilmu Teras Institut Latihan Islam Malaysia, Zamihan Mat Zin berkata, tujuan utama majlis diadakan adalah untuk memberi penerangan berkaitan isu penularan fahaman Wahhabiah dan Syiah.

Menurutnya, adalah penting untuk peserta di peringkat ini mengetahui dengan lebih lanjut dan menghalang fahaman yang bertentangan dengan Islam yang sedang tersebar di dalam masyarakat Melayu Islam di seluruh negara ini.

"Huraian dan penjelasan lebih mendalam perlu diterangkan kepada golongan tertinggi di sesuatu kawasan terutamanya di institusi masjid dan sebagainya berhubung kepentingan pernyeragaman fahaman yang se-



Zamihan (kanan) menerima cenderahati daripada pihak UTHM.

belum ini mungkin mengelirukan orang ramai.

"Kewujudan penularan fahaman Wahabi ini sedikit sebanyak mengelirukan masyarakat sekali gus mampu membawa

kesan buruk kepada agama yang dipraktikkan di negara ini yang mampu mencetuskan bibit perpecahan di kalangan mereka yang ekstremis," katanya.

Beliau yang ditemui selepas

majlis berkenaan mengatakan bahawa antara kandungan resolusi program berkenaan adalah untuk memantapkan akidah masyarakat khususnya di negeri ini di setiap peringkat dengan pelaksanaan program diadakan secara menyeluruh.

Ada enam resolusi yang akan diterangkan kepada pelbagai pihak mahupun peringkat agar mereka ini memahami bahawa fahaman Wahabi iaitu perbuatan mahupun pegangan yang dilakukan melalui perbuatan bertentangan dengan agama Islam tidak perlu diikut.

Sinar Harian difahamkan, hasil resolusi berkenaan secara langsung mewujudkan kumpulan pemikir pakar pelbagai bidang mencakupi jurusan undang-undang, sejarah, ekonomi, sasterawan dan golongan intelektual lain serta pusat penyelidikan dan pembangunan diwujudkan bagi memberikan gambaran jelas.